

Unit 1: Kepercayaan Kepada Tuhan

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

gembira

tenang

tersinggung

bersyukur

marah

simpati

puas hati

Semangat

1. Sharwin berasa _____ apabila jirannya tidak menyediakan masakan daging semasa mereka berkongsi bekalan makanan.
2. Vagish berasa _____ melihat jirannya mentertawakan Sarjit Singh yang sedang membuat sanggul serbannya. Vagish menasihati jirannya itu.
3. Semasa sambutan kongsi raya, Leo berasa sangat _____ kerana semua jiran-jirannya membawa pelbagai juadah untuk dimakan bersama-sama.
4. Saya tidak berasa _____ apabila Eleazar menolak ajakan saya untuk bermain badminton ketika dia dan keluarganya bersiap-siap untuk pergi ke gereja.
5. Adam berasa amat _____ kepada Tuhan apabila jirannya memperlahankan radio semasa dia sedang bersolat.
6. Semua ajaran agama atau kepercayaan meminta penganutnya supaya sentiasa berdoa dengan perasaan _____ ketika jiran ditimpa pelbagai musibah.
7. _____ hidup berjiran tanpa membandingkan ajaran agama atau kepercayaan dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama jiran.
8. Jaivenesh berasa amat sedih dan _____ di atas kehilangan anak jirannya walaupun mereka berlainan ajaran agama dan kepercayaan.